
From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Tuesday, 22 August, 2017 3:40 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Rahayu Binti Ahmad
Subject: Pelajar UUM CAS menjalani program Mobiliti di Telkom University, Bandung



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia

29 Zulkaedah 1438H bersamaan 22 Ogos 2017

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pelajar UUM CAS menjalani program Mobiliti di Telkom University, Bandung

Seramai 8 pelajar UUM CAS telah tiba di Bandung bagi menjalani program mobiliti di Telkom University (TU), di daerah Bandung, Jawa Barat Indonesia. Mereka ialah Norzuhairah Binti Zulkarnain, Nurain Haziemah Binti Mohamed Razmi, Mohd Helmi Bin Abu Bakar, Tan Wei Keat, Lee Pei Mei, Wong Jun Jie dan Ng Yong Hang daripada School of Computing (SOC) dan Nor Qasdina Binti Zainal Abidin daripada School of Creative Industry Management and Performing Arts (SCIMPA).



Mereka tiba pada 14 Ogos yang lalu dengan menaiki pesawat komersial *Malindo Air* dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Penerbangan dijadualkan pada jam 1230 ke Lapangan Terbang Bandara Husien Sastranegara Bandung dan tiba pada jam 1430 waktu Malaysia. Mereka telah disambut oleh perwakilan pelajar dari *Buddies International Student Club*.



Salah seorang peserta, Nor Qasdina Binti Zainal Abidin berkata “ Kami telah didedahkan mengenai adab tatasusila di Indonesia. Pengalaman ini cukup berharga dan diharapkan agar kami dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekitar termasuklah penerimaan cuaca yang sejuk dan cara pembelajaran di TU. Saya juga berasa sangat gembira untuk bertemu dengan pelajar dari negara yang berbeza serta seronok berkomunikasi dengan mereka. Akhirnya sepanjang orientasi berlangsung, saya sangat bangga dengan diri saya untuk mewakili uum bagi program mobiliti ini.”

Sekian, terima kasih.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.